

PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA PEMBANTU PERUBATAN

Kod Skim Latihan (2354)

Pembantu Perubatan berfungsi memberi perkhidmatan kuratif, promotif, preventif dan pemulihan pada tahap yang bersesuaian dalam program perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di bawah pengawasan Pegawai Perubatan.

DESKRIPSI TUGAS

Berperanan memberikan perkhidmatan Primer dan Khusus dalam aspek kesihatan berikut :

i. Perkhidmatan Primer

Memberi rawatan primer dan kecemasan di Klinik Kesihatan, Jabatan Pesakit Luar, Wad dan Jabatan Kemalangan dan Kecemasan di Hospital-hospital.

- Membuat pemeriksaan saringan ke atas pesakit yang memerlukan rawatan .
- Memeriksa, mendiagnos dan merawat penyakit ringan.
- Memberi kaunseling/pendidikan kesihatan kepada pesakit dan masyarakat setempat.
- Memberi rawatan awal kes-kes kecemasan.

ii. Perkhidmatan Khusus

Memberi perkhidmatan di pelbagai Jabatan Kepakaran dan program-program seperti berikut :

- Penjagaan Khusus
Pembantu Perubatan ditempatkan di Jabatan Ortopedik, Pembedahan Am, Bius dan Unit, Rawatan Rapi, Psikiatri, Urologi, Neurologi dan lain-lain Jabatan/Unit di Hospital.
- Latihan

KURIKULUM LATIHAN PEMBANTU PERUBATAN

Program Latihan Pembantu Perubatan dikawal oleh Lembaga Pembantu Perubatan yang ditubuhkan di bawah Akta 180, Akta Pembantu Perubatan Malaysia dan pelaksanaan dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Program Latihan ini tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pembantu Perubatan (Pindaan) 1988.

Matlamat kurikulum Pembantu Perubatan adalah untuk menyediakan pembantu perubatan yang dapat berfungsi dengan cekap serta berkesan sebagai Petugas Penjagaan Kesihatan Primer dan sebagai Pembantu kepada Pengamal Perubatan dalam perkhidmatan rawatan pesakit yang mengambil kira aspek 'promotive', 'preventive', 'curative' dan 'rehabilitative' di semua peringkat perkhidmatan kesihatan.

Tempoh Latihan: 3 tahun (6 semester) meliputi subjek seperti berikut :

- Sains Asas Perubatan
- Sains Kejururawatan
- Sains Tingkah Laku
- Kesihatan Komuniti
- Mikrobiologi
- Biosains Perubatan
- Farmakologi Klinikal
- Pembedahan
- Ortopedik
- Perubatan Kecemasan
- Biosains Perubatan

KEUTAMAAN PEMILIHAN

Kursus Diploma Pembantu Perubatan - Kod Skim Latihan (2354).

- Mempunyai 2 kredit, terutamanya dalam matapelajaran Sains dan Bahasa Inggeris serta lulus dalam 2 matapelajaran yang lain.
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

